

Headline	UiTM kongsi kejayaan lahirkan usahawan		
MediaTitle	Utusan Malaysia		
Date	16 Apr 2014	Color	Black/white
Section	Dlm Negeri	Circulation	173,387
Page No	27	Readership	699,000
Language	Malay	ArticleSize	114 cm <sup>2</sup>
Journalist	N/A	AdValue	RM 1,485
Frequency	Daily	PR Value	RM 4,456



# UiTM kongsi kejayaan lahirkan usahawan

SHAH ALAM 15 April - Universiti Oxford, London menjemput Naib Canselor Universiti Teknologi Mara (UiTM), Profesor Tan Sri Dr. Sahol Hamid Abu Bakar bagi membentangkan kertas kerja berhubung kejayaannya dalam melahirkan golongan usahawan sejak 30 tahun lalu.

Sahol Hamid berkata, jempunan tersebut membuktikan kecemerlangan UiTM diiktiraf selain berjaya meletakkannya dalam kelas yang tersendiri.

Selain itu, jelasnya, jempunan berkenaan memperlihatkan bidang pendidikan di negara ini diiktiraf dunia dan lebih membanggakan UiTM merupakan IPTA khusus untuk anak Melayu dan bumiputera.

“Universiti Oxford dan Kesatuan Eropah (EU) menjemput saya untuk membentangkan kertas kerja bagi menceritakan pengalaman kita membentuk graduan yang mempunyai kemahiran dalam bidang akademik dan perniagaan.

“Saya akan menyampaikan kertas kerja tersebut di Universiti Oxford pada Mei dan Jun ini dan untuk anggota EU pada Julai di Swansea, United Kingdom,” katanya di sini,

hari ini.

Beliau menjelaskan, difahamkan ramai graduan Universiti Oxford menghadapi masalah sukar memperoleh pekerjaan setelah tamat pengajian atas faktor-faktor tertentu.

Menurutnya, sebagai IPTA yang memenangi anugerah Universiti Usahawan dua tahun berturut-turut di negara ini sejak tahun

lepas, pengalaman UiTM amat ditagih oleh universiti tertua Inggeris tersebut.

“UiTM sedia berkongsi ilmu dengan mana-mana pihak yang berminat dengan program usahawan yang telah kita mulakan pada awal 1980-an dan subjek keusahawanan, pelajar diploma tahun akhir serta pelajar ijazah sarjana muda tahun dua diwajibkan lulus,” ujarnya.